



---

**PEKELILING MAJIKAN BIL 4/99  
TUNTUTAN GERAN LATIHAN UNTUK LATIHAN 1996, 1997 DAN 1998 OLEH  
MAJIKAN YANG TIDAK MEMPUNYAI BAKI LEVI PEMBANGUNAN SUMBER  
MANUSIA YANG MENCUKUPI**

## **1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan mengenai kelonggaran yang diberikan kepada majikan yang menuntut geran latihan bagi latihan yang dijalankan dalam tahun 1996, 1997 dan 1998 tetapi tidak mempunyai baki levi pembangunan sumber manusia yang mencukupi.
- (a) Keputusan terdahulu mengenai bantuan kewangan yang diluluskan kepada majikan melebihi 30% daripada bayaran levi tahun semasa adalah ditarik balik bagi mengelakkan masalah pembayaran tuntutan majikan;
  - (b) Amaun bantuan kewangan yang diluluskan bagi sesuatu permohonan adalah berasaskan baki levi semasa setelah ditolak kelulusan bantuan kewangan terdahulu yang masih belum dituntut oleh majikan;
  - (c) Bagi majikan yang kehabisan levi, permohonan mereka juga akan ditolak. Permohonan mereka hanya akan dipertimbangkan sekiranya ia membatalkan kelulusan terdahulu, dan
  - (d) Bagi permohonan bantuan kewangan yang ditolak kerana kehabisan levi, majikan boleh mengemukakan semula dengan syarat latihan masih belum bermula lagi pada masa permohonan berikutnya dikemukakan.

## **2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Mengikut peraturan sekarang, tempoh yang dibenarkan untuk majikan mengemukakan tuntutan bagi mendapatkan bantuan kewangan bagi program latihan yang dijalankan dalam sesuatu tahun (1 Januari hingga 31 Disember) ialah selama 18 bulan iaitu sehingga 30 Jun tahun berikutnya.
- 2.2 Pada tahun 1998, Y.B. Menteri Sumber Manusia dengan kuasa di bawah seksyen 5 Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992 telah memberi pengecualian kepada semua kategori majikan daripada membayar levi pembangunan sumber manusia selama 6 bulan iaitu mulai 12 Februari 1998 hingga 11 Ogos 1998 yang dibuat melalui Perintah Pembangunan Sumber Manusia (Pengecualian) 1998 {P.U. (A) 130} yang diwartakan pada 2 April 1998.
- 2.3 Pengecualian kali kedua telah diberikan untuk tempoh mulai 12 Ogos 1998 hingga 11 Februari 1999 kepada 28 jenis industri/sector dan pengecualian kali ketiga telah juga diberikan oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia kepada 34 jenis industri/sector dan kali ini tempoh pengecualian tersebut adalah mulai 12 Februari 1999 hingga 11

Ogos 1999.

2.4 Ini bermakna terdapat segolongan majikan yang hanya membayar levi untuk tiga bulan sahaja (Disember 1997, Januari 1998 dan Februari 1998) dalam tahun 1998 dan empat bulan (Ogos hingga November 1999) dalam tahun 1999.

2.5 Memandangkan latihan merupakan aktiviti berterusan, majikan tetap memberi latihan dan latihan semula kepada para pekerja demi untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka walaupun diberi pengecualian daripada membayar levi pembangunan sumber manusia.

2.6 Pihak Majlis menyedari hakikat bahawa majikan telah diberi kelulusan untuk menjalankan latihan tetapi tidak boleh mengemukakan tuntutan bagi mendapatkan geran latihan sama ada kerana majikan kehabisan levi atau baki levi tidak mencukupi akibat dari pengecualian pembayaran levi. Adalah menyulitkan lagi apabila tarikh terakhir untuk mengemukakan tuntutan berada dalam tempoh pengecualian.

2.7 Memandangkan tarikh terakhir untuk mengemukakan tuntutan bagi latihan yang dijalankan dalam tahun 1998 ialah pada 30 Jun 1999 seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Majikan Bil. 9/98 sedangkan sesetengah majikan dikecualikan daripada membayar levi sehingga 11 Ogos 1999, pihak Majlis telah mengkaji semula ketetapan ini dan menetapkan beberapa peraturan baru untuk menangani isu tersebut.

### **3. KATEGORI TUNTUTAN**

3.1 Terdapat 6 kategori tuntutan yang terlibat secara langsung dalam pembayaran geran latihan oleh pihak Majlis sehingga Disember 1999. Tuntutan-tuntutan tersebut adalah :-

(a) **Tuntutan Geran Latihan Untuk Latihan Yang Dijalankan Dalam Tahun 1996 Dan 1997 Tetapi Dibayar Sebahagian**

Tuntutan ini merupakan tuntutan yang TELAH dikemukakan oleh majikan sebelum 30 Jun 1997 (untuk latihan 1996) dan sebelum 30 Jun 1998 (untuk latihan 1997) tetapi dibayar sebahagian sahaja.

(b) **Tuntutan Geran Latihan Untuk Latihan Yang Dijalankan Dalam Tahun 1996 Dan 1997**

Tuntutan ini merupakan tuntutan yang PERNAH dikemukakan oleh majikan tetapi dipulangkan kerana tidak mempunyai baki levi yang mencukupi dan **dibenarkan untuk mengemukakan semula** borang tuntutan selewat-lewatnya pada **31 Disember 1999**. Borang tuntutan yang dikemukakan ini hendaklah mempunyai pernyataan "**TUNTUTAN DILULUSKAN TETAPI DIPULANGKAN KERANA MASALAH LEVI**" yang dicopkan oleh pihak Majlis.

(c) **Tuntutan Geran Latihan Untuk Latihan Yang Dijalankan Dalam Tahun 1998 Tetapi Dibayar Sebahagian**

Tuntutan ini merupakan tuntutan yang TELAH dikemukakan oleh majikan sebelum 30 Jun 1999 (untuk latihan 1998) tetapi dibayar sebahagian sahaja.

(d) **Tuntutan Geran Latihan Untuk Latihan 1998 Yang Pernah Dikemukakan Sebelum 31 Mei 1999**

Tuntutan ini merupakan tuntutan yang PERNAH dikemukakan oleh majikan sebelum tarikh pengeluaran Pekeliling Majikan ini tetapi dipulangkan kerana tidak mempunyai baki levi yang mencukupi.

(e) **Tuntutan Geran Latihan Untuk Latihan 1998 Yang Belum Dikemukakan**

Tuntutan ini merupakan tuntutan yang BELUM dikemukakan oleh majikan sama ada yang mempunyai baki levi yang mencukupi atau tidak SEBELUM atau SELEPAS 30 Jun 1999.

(f) **Tuntutan Untuk Latihan Yang Dijalankan Dalam Tahun 1999**

Tuntutan ini merupakan tuntutan latihan yang dijalankan dalam tahun 1999 oleh majikan sama ada yang MEMPUNYAI atau TIDAK MEMPUNYAI baki levi yang mencukupi.

#### 4. SYARAT KELAYAKAN UNTUK TUNTUTAN GERAN LATIHAN

4.1 Bagi majikan dalam kategori (a) iaitu yang **telah** mengemukakan tuntutan untuk latihan tahun 1996 dan 1997 dan telah menerima sebahagian bayaran geran latihan yang dituntut, sebahagian lagi baki bayaran geran latihan akan dibayar tertakluk kepada baki levi yang ada **sebelum** 31 Disember 1999. Jika baki levi masih lagi tidak mencukupi untuk menjelaskan keseluruhan tuntutan pada 31 Disember 1999, bayaran geran latihan adalah setakat baki yang ada pada tarikh tersebut.

4.2 Bagi kategori (b) (latihan yang dijalankan dalam tahun 1996 dan 1997), **tempoh penerimaan semula borang tuntutan ditetapkan mulai 30 September 1999 hingga 31 Disember 1999**. Pembayaran geran latihan adalah setakat baki levi yang ada pada tarikh tuntutan diterima dan sekiranya bayaran ini tidak mencukupi untuk menjelaskan keseluruhan tuntutan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa bayaran lain yang akan dibuat selepas bayaran ini. Borang tuntutan yang diterima selepas 31 Disember 1999 tidak akan dipertimbangkan untuk bayaran dan akan dikembalikan.

4.3 Bagi majikan dalam kategori (c) iaitu yang telah mengemukakan tuntutan untuk latihan tahun 1998 dan telah menerima sebahagian bayaran geran latihan yang dituntut, sebahagian lagi baki bayaran geran latihan akan dibayar tertakluk kepada baki levi yang ada sebelum 31 Disember 1999. Jika baki levi masih lagi tidak mencukupi untuk menjelaskan keseluruhan tuntutan pada 31 Disember 1999, bayaran geran latihan adalah setakat baki yang ada pada tarikh tersebut.

4.4 Bagi latihan yang dijalankan dalam tahun 1999, peraturan sedia ada adalah terpakai iaitu tarikh terakhir bagi penerimaan borang-borang tersebut adalah pada 30 Jun 2000.

Bayaran geran latihan untuk latihan yang dijalankan dalam tahun 1999 ini tertakluk kepada baki levi mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Majikan Bil. 1/98 selepas mengambilkira bayaran yang telah dibuat di bawah para 4.1, 4.2, 4.3 dan 4.4.

4.5 Dalam apa jua keadaan, syarat kelayakan untuk mendapat bantuan kewangan ini adalah sama iaitu :-

a)	tuntutan hendaklah bagi kos latihan yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia;
b)	tuntutan bagi satu-satu latihan hendaklah dibuat sekali sahaja. Tuntutan bagi latihan yang sama tetapi dibuat melebihi sekali kerana terkurang tuntutan akan ditolak dan dipulangkan;
c)	borang tuntutan yang dikemukakan hendaklah lengkap diisi dan disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan;
d)	majikan tidak mempunyai bayaran levi tertunggak; dan
e)	faedah atas bayaran levi tertunggak telah dijelaskan, jika ada.

## 5. PENUTUP

5.1 Majikan adalah diminta untuk mengambil perhatian terhadap tarikh-tarikh terakhir untuk mengemukakan borang-borang tuntutan seperti yang dinyatakan pada [LAMPIRAN A](#) dan mematuhi sepenuhnya peraturan yang ditetapkan.

## 6. TARIKH KUATKUASA

6.1 Pekeliling Majikan ini berkuatkuasa pada 31 Mei 1999.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

" LATIHAN TERANCANG TUNGGAK KECEMERLANGAN"

Saya yang menurut perintah,

**(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)**  
b/p Ketua Pengarah,  
Majlis Pembangunan Sumber Manusia



## LAMPIRAN A

BIL	KATEGORI TUNTUTAN	SYARAT TUNTUTAN	TARIKH AKHIR PENYERAHAN BORANG TUNTUTAN	PERUBAHAN PADA TARIKH AKHIR PENYERAHAN	CATATAN
1	Tuntutan untuk latihan yang dijalankan dalam tahun 1996 dan 1997 yang dibayar sebahagian.	Borang tuntutan telah dikemukakan sebelum ini dan bayaran sebahagian telah dilakukan.	30 Jun 1997 dan 30 Jun 1998	Tiada perubahan (seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Majikan Bil. 4/96 dan Bil. 8/97).	Bayaran geran latihan sebahagian lagi tertakluk kepada baki levi yang ada sebelum 31 Disember 1999. Jika baki levi masih lagi tidak mencukupi untuk menjelaskan keseluruhan tuntutan pada 31 Disember 1999, bayaran geran latihan adalah setakat baki yang ada pada tarikh tersebut.
2	Tuntutan untuk latihan yang dijalankan dalam tahun 1996 dan 1997 yang belum dibayar.	Borang tuntutan pernah dikemukakan dan dibenarkan untuk dikemukakan semula dalam tempoh mulai 30 September 1999 hingga 31 Disember 1999. Borang tuntutan juga harus mempunyai cop "TUNTUTAN DILULUSKAN TETAPI DIPULANGKAN KERANA MASALAH LEVI".	31 Disember 1999	Tiada perubahan (seperti surat kebenaran asal). Borang tuntutan yang diterima selepas 31 Disember 1999 tidak akan dipertimbangkan untuk bayaran dan akan dikembalikan.	Bayaran geran latihan adalah setakat baki levi yang ada pada tarikh tuntutan diterima dan sekiranya bayaran ini tidak mencukupi untuk menjelaskan keseluruhan tuntutan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa bayaran lain yang akan dibuat selepas bayaran ini.
3	Tuntutan untuk latihan yang dijalankan dalam tahun 1998 yang dibayar sebahagian.	Borang tuntutan telah dikemukakan sebelum ini dan bayaran sebahagian telah dilakukan.	30 Jun 1999	Tiada perubahan.	Bayaran geran latihan sebahagian lagi tertakluk kepada baki levi yang ada sebelum 31 Disember 1999. Jika baki levi masih lagi tidak mencukupi untuk menjelaskan keseluruhan tuntutan pada 31

					Disember 1999, bayaran geran latihan adalah setakat baki yang ada pada tarikh tersebut.
4	Tuntutan untuk latihan tahun 1998 yang PERNAH dikemukakan sebelum 31 Mei 1999 tetapi dipulangkan semula kepada majikan.	Borang tuntutan hendaklah dikemukakan semula sebelum 31 Disember 1999.	31 Disember 1999	Dilanjutkan selama 6 bulan lagi. Borang tuntutan yang diterima selepas 31 Disember 1999 tidak akan dipertimbangkan untuk bayaran dan akan dikembalikan.	Bayaran geran latihan adalah setakat baki levi yang ada pada tarikh tuntutan diterima dan sekiranya bayaran ini tidak mencukupi untuk menjelaskan keseluruhan tuntutan, bayaran sebahagian lagi akan dilakukan pada 31 Disember 1999 tertakluk kepada baki levi yang ada pada tarikh tersebut.
5	Tuntutan untuk latihan tahun 1999.	Borang tuntutan dikemukakan SEBELUM 30 Jun 2000.	30 Jun 2000.	Tiada perubahan.	Seperti peraturan biasa

